



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PENYELESAIAN BERLANDASKAN TEKNOLOGI MELALUI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BAGI MEMBANTU MENANGANI ISU SEKURITI MAKANAN

PUTRAJAYA, 10 JUN 2022 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan agensi-agensinya di bawahnya sedang giat menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi membantu menangani isu sekuriti makanan dengan penyelesaian berlandaskan teknologi.

Agensi Nuklear Malaysia antaranya sedang menjalankan R&D kaedah biak baka mutasi rumput, contohnya penghasilan varieti baru rumput Napier yang lebih tinggi kandungan protein sebagai makanan utama haiwan ternakan seperti lembu dan kambing. Rumput ini juga sesuai dijadikan silaj.

Selain itu, bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran tanaman, antara teknologi yang boleh diguna pakai adalah kemudahan penyinaran gamma bagi penjaan varieti baharu tanaman termasuklah penambahbaikan tanaman. Manakala, penggunaan baja yang berasaskan teknologi nano (*nanofertiliser*) pula membolehkan pelepasan nutrien secara terkawal seterusnya mengurangkan penggunaan baja dan meningkatkan produktiviti serta hasil pertanian, khususnya bekalan makanan.

Menteri MOSTI, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "MOSTI menawarkan senarai inventori teknologi di bawah MOSTI yang boleh digunakan segera, di samping memanfaatkan kepakaran seramai lebih 800 jaringan pakar saintis Akademi Sains Malaysia dalam mengenal pasti serta memadamkan kaedah penyelesaian terbaik berlandaskan teknologi. Sehingga kini sebanyak 46 penyelesaian teknologi telah dikenal pasti tersedia untuk membantu menangani isu sekuriti makanan".

Selain daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), kerjasama ini akan diteruskan bersama pihak-pihak berkepentingan dan diperkasakan.

MOSTI menerusi inisiatif bilik gerakan (*war room*) yang dikenali sebagai Bilik Gerakan Penyelesaian Teknologi MOSTI berperanan menyokong kerajaan bagi menangani isu bekalan makanan dengan menggunakan teknologi yang boleh diguna pakai para

penternak, peladang dan petani bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Menerusi *war room* ini, jaringan bekalan dalam ekosistem akan dihubungkan dengan pantas antara pemain-pemain utama seperti pengusaha, pihak industri dan akademia bagi membantu menangani isu-isu semasa negara dengan segera.

Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Zainal Abidin Abu Hassan berkata, “Dengan penubuhan *war room* ini, isu-isu sekuriti makanan dengan penyelesaian berlandaskan teknologi seperti penggunaan kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan penggunaan bioteknologi dan teknologi nano dalam jangka masa pendek, jangka sederhana dan panjang telah pun dikenal pasti. MOSTI juga akan mengadakan sesi libat urus bersama persatuan-persatuan penternak, peladang dan petani serta syarikat-syarikat teknologi bagi menghimpunkan input yang dapat membantu menangani isu sekuriti makanan. Usaha kolektif dalam menghimpunkan pelbagai teknologi ini disuai padankan dengan penerima teknologi yang sesuai dapat meningkatkan kelestarian sumber bekalan makanan negara.”

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

10 JUN 2022